

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 5/10/2007

# Najib lancar Pusat Dialisis Albukhary

UM - 5/10/2007

ALOR STAR 4 Okt. - Pusat Dialisis Albukhary yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini akan mula beroperasi dalam tempoh terdekat dengan menawarkan rawatan buah pinggang kepada golongan miskin dan kurang berkemampuan.

Pusat bernilai jutaan ringgit yang terletak di Kompleks Albukhary, Jalan Langgar di sini dibangunkan atas keprihatinan Yayasan Albukhary untuk memberi kemudahan rawatan kepada golongan tersebut.

Menurut Naib Pengerusi Eksekutif Yayasan Albukhary, Datuk Ismail Yusof, pusat tersebut dilengkapi dengan 36 mesin dialisis, kemudahan bilik rawatan dan empat ruang dialisis serta bilik kelengkapan lain.

"Pembinaan pusat dialisis itu yang terbesar di negara ini memberi perkhidmatan kesihatan kepada golongan miskin dan kurang berkemampuan di negeri ini, tanpa mengira kaum, agama dan keturunan," katanya di sini hari ini.

Kewujudan pusat dialisis berkenaan dijangka dapat memenuhi permintaan di Kedah yang dilaporkan mempunyai lebih 100 pesakit buah pinggang yang menunggu untuk mendapatkan rawatan tersebut.

Beliau menambah, setakat ini terdapat 18 mesin dialisis yang sudah dipasang dengan 14 dikhususkan untuk pesakit buah pinggang dan empat lagi diasingkan dalam dua bilik berlainan untuk pesakit hepatitis B dan C.

Menurutnya, mesin dialisis sedia ada akan ditambah dari semasa ke semasa bagi melengkapkan kemudahan di pusat berkenaan.

"Kejayaan pusat ini kelak bergantung kepada kerjasama dan sokongan penuh daripada Kementerian Kesihatan dan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan.

"Bagaimanapun, diharapkan kewujudannya dapat menampung keperluan pesakit terutama daripada golongan miskin yang kini terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan rawatan," tambahnya.

Ismail memberitahu, pusat dialisis itu boleh menampung kira-kira 100 pesakit buah pinggang dalam sehari dengan sistem rawatan berkualiti dan menyeluruh.

Lebih bermakna lagi, katanya, pusat tersebut juga akan memberikan rawatan percuma kepada pesakit miskin yang tidak mampu untuk membayar kos rawatan di mana-mana pusat perubatan atau hospital negeri ini.

Tambah beliau, biarpun diberikan percuma, yayasan itu akan memastikan pesakit mendapat rawatan berkualiti.

Dalam pada itu, menurut Ismail, pihaknya juga berhasrat untuk membuka pusat terbabit sehingga waktu malam bagi memberi peluang kepada masyarakat mendapatkan rawatan tanpa menjejaskan pendapatan daripada sumber pertanian yang diusahakan mereka.

"Kita berharap usaha kemasyarakatan ini dapat memberikan keselesaan kepada mereka dalam menjalani rawatan dialisis terutama buat masyarakat luar bandar," ujarnya.